

Elaun Pelaburan Semula dilanjutkan ke 15 tahun

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Belanjawan 2002 mencadangkan tempoh Elaun Pelaburan Semula dilanjutkan daripada lima tahun kepada 15 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ia bertujuan menarik pelabur baru, di samping pelabur sedia ada yang digalakkan untuk terus membuat pelaburan semula melalui pembesaran, modenisasi, automasi dan pelbagaian projek.

“Peranan sektor swasta perlu didorong semula untuk menjadi jentera peng-

gerak utama pertumbuhan ekonomi,” katanya semasa membentangkan belanjawan tersebut di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam hal ini katanya, kerajaan terus menawarkan pakej galakan istimewa yang telah diumumkan pada Belanjawan 2000 untuk menarik pelaburan yang berkualiti tinggi.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, sehingga kini kerajaan telah meluluskan 20 projek dengan pelaburan sebanyak RM33 bilion di bawah pakej galakan isti-

mewa, terutamanya bagi projek-projek industri petrokimia dan elektronik.

Beliau berkata, usaha untuk menggalakkan pelaburan semakin menca-
bar.

Dalam hal ini kerajaan telah menerima banyak cadangan supaya cukai korporat dikurangkan, katanya.

“Bagaimanapun, kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkannya memandangkan kadar cukai korporat negara masih kompetitif berbanding dengan kebanyakan negara

ASEAN, Asia dan juga beberapa negara maju,” kata Perdana Menteri lagi.

Malaysia, katanya, tidak mengenakan cukai ke atas dividen seperti yang dikenakan di beberapa negara lain termasuklah Thailand, Taiwan dan Jepun.

“Di samping itu, kita juga telah memberi pelbagai galakan cukai kepada pelabur asing dan tempatan,” katanya.